

Nama Tingkatan

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019

PRINSIP PERAKAUNAN Kertas 2

TINGKATAN 5 Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan dua soalan **Bahagian B**.*
- 3. Tulis Jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan.*
- 4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- 5. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
- 6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*
- 7. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

BAHAGIAN A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1(a) Kelaskan item-item di bawah ini mengikut komponen berikut:

Jualan bersih, Kos Jualan, Hasil atau Belanja

Item	Komponen Penyata Pengasingan Untung Rugi
Insuran atas belian	
Angkutan keluar	

[2 markah]

- (b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan berdasarkan urus niaga berikut:

Urus niaga	Akaun yang didebitkan	Akaun yang dikreditkan
Menjual lori terpakai secara kredit kepada Mokhtar		

[2 markah]

- (c) Di bawah adalah maklumat mengenai dua perniagaan dalam bidang yang sama.

Analisis Nisbah	Kedai Kasut Aii	Kedai Kasut Mie
Pulangan Atas Modal	18.81%	18.18%

- i. Jika anda seorang pelabur, perniagaan manakah anda akan pilih?

- ii. Berikan alasan anda.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada buku Razak Trading, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu

	RM
Mesin	3 200
Inventori	11 900
Akaun Belum Bayar	8 600
Bank	4 100
Akaun Belum Terima	1 700
Sewa Belum Terima	110

Berapakah nilai modal awal perniagaan tersebut.

[2 markah]

- (e) Luxury Berhad menerbitkan 500 000 unit 6% syer keutamaan RM2.00 sesyer dan 1 500 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer.

Pada akhir tahun , Lembaga Pengarah syarikat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 5 sen sesyer atas syer biasa.

Kirakan:

- i. Dividen syer keutamaan [1 markah]
- ii. Dividen syer biasa [1 markah]

2. Ramesh dan Lee ialah bekongsi dalam Perkongsian RamLee yang menjual alatan perhiasan dalam rumah. Berikut adalah Imbangan Duga yang diambil daripada buku perkongsian selepas untung kasar diperoleh pada 31 Julai 2018.

Maklumat berikut diambil daripada buku - buku perniagaan Perkongsian RamLee pada 31 Julai 2018

	RM
Modal pada 1 Ogos 2017	
Ramesh	72 000
Lee	92 000
Akaun Semasa 1 Ogos 2017	
Ramesh	2 000
Lee	(1 000)
Ambilan	
Ramesh(31 Oktober 2017)	8 000
Lee (1 Mac 2018)	12 000
Akaun Belum Terima	46 000
Akaun Belum Bayar	51 000
Peruntukan Hutang Ragu	2 000
Tunai di tangan	5 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	24 000
Susut nilai terkumpul perabot	16 000
Kenderaan	120 000
Perabot	40 000
Bank	10 000
Gaji pekerja	7 500
Insurans	9 600
Angkutan keluar	7 900
Promosi	12 000
Untung kasar	80 000

Ikatan Perkongsian menyatakan :

- i) Untung atau Rugi diagihkan mengikut nisbah 3 : 2
- ii) Lee akan dibayar gaji RM6 000 setahun
- iii) Faedah atas modal akan dibayar 5% setahun
- iv) Faedah atas ambilan akan dikenakan 10 % setahun

Maklumat tambahan :

- i) Inventori pada 31 Julai 2018 bernilai RM60 000
- ii) Angkutan keluar belum bayar RM1 100
- iii) Hutang lapuk dihapuskira RM1 000
- iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% ke atas akaun belum terima bersih.
- v) Perabot disusutnilaikan pada kadar 10 % setahun mengikut kaedah baki berkurangan manakala kenderaan disusutnilaikan pada kadar 5% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- vi) Insurans dibayar untuk setahun berakhir 31 Oktober 2018
- vii) Gaji pekerja termasuk gaji Lee sebanyak RM5 000

Anda dikehendaki menyediakan :

- i. Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2018. [8 markah]
- ii. Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2018 [6 markah]
- iii. Akaun Semasa setiap pekongsi (bentuk lajur) [3 markah]
- iv. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2018 [8 markah]

3. Puan Maryana Mohammad ialah pemilik MAR Enterprise, sebuah perniagaan yang membekalkan pelbagai jenis peralatan tanaman di bandar Machang, Kelantan. Beliau telah merancang menyediakan anggaran belanjawan tunai untuk tiga bulan berakhir pada 31 Mac 2019.

Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaannya:

- i. Pada 1 Januari 2019, Puan Maryana akan memulakan perniagaannya dengan modal:

	RM
Tunai di bank	14 000
Tunai di tangan	6 000
Alatan kedai	20 000

- ii. Anggaran jualan bulan Januari ialah RM12 000. Jualan bulan Februari dan Mac dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya. 30% daripada jualan bulanan diberi tempoh kredit sebulan.

- iii. Anggaran jumlah belian:

	RM
Januari	8 000
Februari	10 400
Mac	13 500

60% daripada jumlah belian adalah secara tunai dan bakinya secara kredit. Tempoh kredit ialah sebulan.

- iv. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.
- v. Puan Maryana bercadang untuk membuat pinjaman dari bank sebanyak RM30 000 berkadar faedah 6% setahun selama 60 bulan. Pinjaman dijangka akan diperoleh pada bulan Februari. Ansuran pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- vi. Perniagaan mempunyai 2 orang pekerja yang dibayar gaji RM1 500 seorang.
- vii. Pada bulan Mac seorang lagi pekerja diambil dengan gaji RM1 800 sebulan.
- viii. Belanja bulanan adalah sewa premis sebanyak RM1 300, kadar bayaran RM750 dan pelbagai belanja RM500
- ix. Sebuah lori terpakai RM35 000 dijangka akan dibeli dalam bulan Februari dengan bayaran pendahuluan RM5 000 dan bakinya dibayar secara ansuran selama 5 tahun bermula pada bulan Mac.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2019.

[25 markah]

BAHAGIAN B**(40 markah)**Jawab **DUA** soalan sahaja

4. Farish, Farid dan Faridah merupakan bekongsi bagi Perkongsian 3FA yang membahagikan untung rugi mengikut nisbah 3:2:1. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 30 April 2019. Pada tarikh pembubaran, aset dan liabiliti perniagaan adalah seperti berikut.

	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	20 000	
Perabot	5 400	
Bank	2 300	
Inventori Akhir	4 200	
Akaun Belum Terima	5 300	
Akaun Belum Bayar		15 770
Modal Faris		8 000
Modal Farid		6 000
Modal Faridah		3 000
Akaun Semasa Faris		1 850
Akaun Semasa Farid		2 160
Akaun Semasa Faridah		420

Maklumat Tambahan:

- i) Inventori dijual dengan harga RM 3 000 dan perabot diambil alih oleh Farid pada nilai RM3 600
- ii) Farish telah mengambil alih kenderaan dengan harga RM12 600. Beliau akan membawa masuk wang tunai sekiranya terdapat kurangan dalam Akaun Modalnya.
- iii) Semua hutang dapat dikutip kecuali RM1000 di anggap sebagai hutang lapuk.
- iv) Belanja pembubaran dijelaskan sebanyak RM480.
- v) Akaun belum bayar dijelaskan dengan potongan RM300 daripada jumlah hutang
- vi) Semua urus niaga penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Realisasi [7 markah]
- b) Akaun Bank [4 markah]
- c) Akaun Modal Pekongsi [6 markah]
- d) Akaun Belum Bayar [1 markah]
- e) Akaun Belum Terima [2 markah]

5 (a) Akif Enterprise dan Imran Enterprise adalah dua perniagaan pakaian. Berikut adalah penyata kewangan bagi Akif Enterprise

Akif Enterprise
Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018

	RM
Jualan	26 000
(-) Kos Jualan	18 000
Untung kasar	8 000
(-) Belanja	2 000
Untung Bersih	6 000

Akif Enterprise
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018

	RM	RM
Kenderaan	22 000	
Akaun Belum Terima	3 000	
Bank	7 000	
Inventori	4 000	36 000
Modal	27 000	
Untung Bersih	6 000	
Akaun Belum Bayar	3 000	36 000

Malumat yang diberi oleh Imran Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2018:

- Nisbah semasa : 1:1
- Pulangan atas modal : 20%
- Kadar pusing ganti inventori : 7 kali

- a) Anda dikehendaki menghitung perkara berikut bagi Akif Enterprise serta memberi tafsiran bagi setiap yang berikut:
- Mark up
 - Margin
 - Kadar pusing ganti inventori
 - Pulangan atas modal
- b) Perniagaan manakah mempunyai prestasi lebih baik? Mengapa?

[10 markah]

5 (b) Penyata Kedudukan Kewangan bagi Perniagaan Sun Enterprise adalah seperti berikut:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 April 2019

	RM		RM
Aset Bukan Semasa		Ekuiti Pemilik	
Kenderaan	50 000	Modal	69 900
Alatan pejabat	13 500	Untung bersih	17 900
Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Bank	9 300	Akaun Belum Bayar	8 500
Inventori akhir	12 000		
Akaun Belum Terima	<u>11 500</u>		
	<u>96 300</u>		<u>96 300</u>

Urusniaga yang berlaku pada bulan April 2019 adalah seperti berikut:

- i) Pemilik membawa masuk penghawa dingin peribadi bernilai RM1 500 untuk kegunaan perniagaan.
- ii) Jualan RM4 650 daripada inventori kepada Samer dengan harga RM5 700
- iii) Mengeluarkan cek bernilai RM750 untuk membayar sewa kediaman pemilik.
- iv) Membeli barang niaga secara kredit RM6 600
- v) Sekeping cek diterima daripada Puan Hanie bernilai RM550 dipulangkan kerana didapati cek tak laku.
- vi) Membayar Pembekal Anour RM5 720 dengan cek dan menerima diskaun RM320.
- vii) Membayar gaji pekerja RM900 dengan cek.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan berikut:

Kenderaan	Alatan Pejabat	Bank	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal	Untung Bersih	Akaun Belum Bayar	Ambilan

[10 markah]

6. Pada 15 Februari 2018, Syarikat KCA Berhad telah menerbitkan 500 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00.

Kesemua syer keutamaan telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan pada 27 Februari 2018 manakala wang yang diterima untuk Syer Biasa sebanyak RM4 500 000

Pada 15 Jun 2018, Lembaga Pengarah telah mengumumkan terbitan kedua iaitu 350 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer. Semua syer telah berbayar penuh pada 29 Jun 2018.

Anda dikehendaki :

- a) Menghitung terbitan pertama dan kedua
- b) Menyediakan catatan jurnal bagi merekodkan terbitan syer
- c) Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018

[20 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT